

# 'BN perlu tarik lebih sokongan dari kaum China'

KUALA LUMPUR, Ahad

**KEPIMPINAN** baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam akan menempuh zaman kegemilangan jika mereka dapat menarik majoriti pengundi kaum China di Semenanjung, menyokong Barisan Nasional dalam pilihanraya-pilihanraya akan datang.

Pemangku Setiausaha Agung Gerakan, Dr. Goh Cheng Teik, berpendapat Barisan Nasional (BN) kini mendapat sokongan majoriti kaum Melayu, India, Kadazan, Iban dan China di Sabah serta Sarawak.

Tetapi, tambahnya, ia tidak berjaya mempengaruhi sebahagian kaum China di Semenanjung. Kata Dr. Goh, yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan, sesuatu perlu dilakukan jika BN mahu mendapat sokongan luas di seluruh negara.

## Dasar positif

Katanya, ini boleh dilakukan jika pemimpin BN melaksanakan dasar yang positif dan realistik, seperti yang dijalankan oleh Parti Berjaya di Sabah.

Katanya, Parti Berjaya telah menjalankan dasar yang tidak bercanggah dengan BN, di samping dapat menarik perhatian kaum China penyokongnya.

Bellau berkata Gerakan menganggap Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam sebagai pemimpin berkemampuan membuat sesuatu yang baik dan berkesan untuk kepentingan negara keseluruhannya.

Di samping itu, tambahnya, generasi kaum China hari ini dapat menerima hakikat sebenarnya dalam konteks masyarakat berbilang kaum di negara ini.

"Mereka tidak lagi berfikir sempit seperti zaman datuk nenek mereka dulu, tetapi berfikir luas sejajar dengan kehendak masyarakat negara ini.

"Lagi pun, mereka ini belajar di sekolah yang sama serta mengikut dasar pelajaran kebangsaan yang sama serta sebagainya dan ini sudah tentu cara pemikiran mereka berbeza dari dulu," katanya.

## Cadangan MCA

Mengenai cadangan MCA supaya industri strategik di negara ini mesti dimiliki 40 peratus oleh kaum China, bellau berkata:

"Kenyataan seperti itu hanya menyakitkan hati orang Melayu dan juga orang China."

Bellau berkata perkara tersebut tidak perlu disebut kerana Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah jelas menerangkan bahawa orang Melayu mesti memiliki sekurang-kurangnya 30 peratus ekonomi negara menjelang tahun 1990.

Katanya lagi, dalam perkara tersebut Parti Gerakan menyokong penuh matlamat DEB dan berkata: "Bumiputera hendaklah mengambil bahagian tersebut dari kepentingan asing."

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia